

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penyertaan Tuisyen Berbayar Di Taman Universiti, Skudai, Johor.

Hanim Binti Sulaiman & Cynthia Kho Mei Ying
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap faktor-faktor dalam penglibatan pelajar-pelajar Tingkatan 5 di pusat tuisyen berbayar di luar waktu persekolahan. Kaedah penyelidikan deskriptif yang berbentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 80 responden telah terlibat dalam kajian ini. Maklumat yang dikumpul diperolehi daripada pengedaran soal selidik kepada pelajar. Data dianalisis menggunakan perisian “ Statistical Packages For Social Science” (SPSS) versi 14 bagi mendapatkan frekuensi, peratusan dan min. Dari hasil analisis data kajian, didapati faktor utama pelajar mengikuti kelas tuisyen berbayar adalah pengaruh rakan sebaya, diikuti dengan faktor ibu bapa dan juga keberkesanan pengajaran guru di sekolah. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan ibubapa atau penjaga pelajar perlulah memberi perhatian kepada pergaulan anak mereka, di samping itu, mereka juga perlulah menjalin hubungan yang baik dengan pihak sekolah supaya dapat mengikuti perkembangan anak di sekolah, dan golongan guru perlulah berusaha menggunakan strategi pengajaran yang sesuai dengan subjek yang diajar.

Abstract: The purpose of this research was to identify the factors that influence the involvement of Form 5's students in tuition centre in Taman Universiti, Skudai, Johore. Descriptive research method has been used in this study. 80 respondents had been involved in this study. Questionnaires was used to gather information from the students. Software “ *Statistical Packages For Social Science*” (SPSS) version 14 was used to analyze data and it was presented in the forms of frequency, percentage and mean. From the findings, it was found that peer influence is the major factor of the involvement of Form 5 students in tuition centre, followed by parental factor and also the effectiveness of teaching in school. Therefore, parents are strongly recommended to pay more attention to their child's social life. Parents are also recommended to make a good relationship with the school so that they could follow the learning process of their own child. Teachers are strongly recommended to use suitable approach according to subjects to attract students' interest in learning process.

Katakunci: penglibatan pelajar, pusat tuisyen

Pengenalan

Perkembangan pusat tuisyen yang semakin popular masa kini sebenarnya sudah bermula sejak awal zaman merdeka, tetapi pertumbuhannya semakin pesat sejak tahun-tahun 1980-an. Pusat-pusat tuisyen ini adalah untuk pelajar-pelajar yang belajar di tahun satu hinggalah ke tingkatan enam Atas. Sehingga kini, kebanyakan pengusaha pusat tuisyen melakukannya secara separuh masa. Tenaga pengajarnya kebanyakan terdiri daripada guru-guru sekolah kerajaan. Pusat tuisyen ini adalah tertakluk di bawah Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996. Menurut Abdullah Othman (1988), sebelum didaftar institusi swasta perlu memenuhi dan mematuhi beberapa dasar dan polisi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Pernyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini, semakin banyak pusat tuisyen yang ditubuhkan bagai cendawan lepas hujan. Perkembangan pusat tuisyen yang secara mendadak ini adalah untuk memenuhi keperluan pelajar yang

memerlukan bimbingan dalam pelajaran secara meluas. Penyelidik ingin mengkaji apakah tahap faktor ibu bapa, guru atau rakan sebaya dalam penglibatan pelajar Tingkatan 5 di pusat tuisyen berbayar di luar waktu persekolahan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk menentukan tahap faktor-faktor dalam penglibatan pelajar-pelajar Tingkatan 5 di pusat tuisyen berbayar di luar waktu persekolahan.

Objektif yang khususnya ialah untuk mengenalpasti:

- i. Menentukan tahap faktor ibu bapa atau penjaga pelajar dalam penglibatan anak mereka di pusat tuisyen berbayar di luar waktu persekolahan.
- ii. Menentukan tahap faktor keberkesanan pengajaran guru di sekolah dalam penglibatan pelajar-pelajar di pusat tuisyen di luar waktu persekolahan .
- iii. Menentukan tahap faktor pengaruh rakan sebaya dalam penglibatan pelajar-pelajar di pusat tuisyen di luar waktu persekolahan.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan secara rawak ke atas 80 orang pelajar-pelajar Tingkatan 5 dari sekolah menengah kerajaan atau swasta, yang sedang mengikuti kelas tuisyen berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia di Taman Universiti, Johor.

Pelajar persendirian dikecualikan daripada kajian ini kerana mereka tidak terlibat dengan pembelajaran formal di sekolah kerajaan. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelbagai kaum, pelbagai aliran dan dari pelbagai sekolah menengah.

Kajian dijalankan ke atas tiga buah pusat tuisyen yang terletak di Taman Universiti, Skudai Johor. Ketiga-tiga pusat tuisyen ini dipilih melalui cabutan undi daripada jumlah lima buah pusat tuisyen.

Metodologi

Pemilihan Sampel

Dalam kajian ini, sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar calon Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2007. Responden adalah berumur antara lima belas tahun hingga tujuh belas tahun. Kategori pelajar ini dipilih dengan anggapan:

- i. Mereka boleh memahami dan menjawab dengan baik soal selidik yang diberikan.
- ii. Mengikut kelas tuisyen telah menjadi suatu “budaya” di kalangan pelajar-pelajar yang akan menduduki Peperiksaan Awam Malaysia.
- iii. Mereka bukan merupakan pelajar-pelajar persendirian yang telah meninggalkan alam persekolahan.

Populasi pelajar-pelajar Tingkatan 5 di Taman Universiti yang mengikuti kelas tuisyen adalah sebanyak 241 orang. Penyelidik hanya mengambil sampel seramai 80 orang, iaitu sebanyak 35 peratus daripada jumlah populasi. Cara persampelan rawak mudah telah digunakan, di mana setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih, dan pemilihan satu subjek adalah bebas dan tidak bersandar dengan pemilihan subjek lain (Mohamed Najib, 1997).

Pemilihan sampel adalah melalui senarai nama pelajar yang diberi oleh pengurus pusat tuisyen tersebut. Sampel adalah dipilih dengan mengikuti nombor ganjil yang tertera dalam senarai nama sampel yang diberikan oleh pengurus pusat tuisyen tersebut.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Penyelidik menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data berdasarkan rasional iaitu kaedah yang efisien bagi mengutip data dalam jumlah yang banyak pada kos yang rendah dalam tempoh yang singkat serta tinjauan yang berstruktur dan bersesuaian dengan analisis statistik (Azizi, 2007).

Borang soal selidik yang digunakan adalah diubahsuai daripada beberapa borang soal selidik kajian lepas oleh penyelidik lain, iaitu Normah (1993), Ramaiah (1995) dan juga Yusry (2000). Reka bentuk soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

Dalam Bahagian A, soalan soal selidik adalah berkenaan latar belakang responden (pelajar), dan responden diminta menandakan [x] di dalam ruang yang disediakan. Bahagian ini mengandungi lapan soalan yang merangkumi:

- i. Jantina
- ii. Umur
- iii. Bangsa
- iv. Pekerjaan bapa / penjaga
- v. Jumlah pendapatan keluarga
- vi. Bilangan mata pelajaran yang diikuti di pusat tuisyen
- vii. Jumlah bayaran tuisyen untuk setiap bulan

Bahagian B

Dalam Bahagian B pula, responden diminta menjawab persoalan di bahagian ini dengan membulatkan Skala Pemingkatan Likert 1 hingga 5 yang terdapat di penghujung setiap pernyataan soal selidik.

Bahagian B mengandungi soalan soal selidik berkenaan tiga faktor yang ingin dikaji oleh penyelidik, iaitu ibu bapa atau penjaga pelajar, keberkesanan pengajaran guru di sekolah dan juga pengaruh rakan sebaya.

Item 1, Item 2, Item 3, Item 4, Item 5, Item 6 dan Item 7 ialah soalan soal selidik yang berkaitan dengan faktor ibu bapa atau penjaga. Item 8, Item 9, Item 10, Item 11, Item 12, Item 13 dan Item 14, ialah soalan soal selidik yang berkaitan dengan faktor keberkesanan pengajaran guru di sekolah. Item 15, Item 16, Item 17, Item 18, Item 19, Item 20 dan Item 21 ialah soalan soal selidik yang berkaitan dengan faktor pengaruh rakan sebaya.

Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 15 orang pelajar di salah sebuah pusat tuisyen di Taman Universiti, Skudai untuk mendapatkan maklum balas awal mengenai instrumen kajian yang digunakan. Hasil kajian rintis mendapati tiada masalah yang dihadapi oleh responden untuk memahami arahan dan bahasa yang digunakan dalam alat kajian. Kebolehpercayaan (α) soal selidik ialah 0.744 manakala kesahan soalan diperolehi daripada semakan daripada penyelia. Oleh itu, tiada perubahan yang dilakukan ke atas kajian dan soalan boleh digunakan dalam kajian sebenar. Menurut Mohd Majid (1990), tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan.

Keputusan

Semua data-data dari persoalan kajian yang telah dianalisis telah dikumpulkan dalam satu jadual yang mengandungi maklumat- maklumat seperti kekerapan, peratus dan min. Data- data ini juga ditunjukkan dalam bentuk graf.

Jadual 1: Analisis kekerapan, peratus dan min setiap item bagi keseluruhan persoalan kajian.


Bil.	Item-item	Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Min
		F	%	F	%	F	%	
1	Peranan ibubapa	48	60.4	15	18.8	16	21.9	3.53
2	Keberkesanan pengajaran guru	32	39.7	26	32.9	22	27.5	3.19
3	Pengaruh rakan sebaya	53	66.1	15	18.6	12	15.4	3.73
JUMLAH PURATA / MIN		44	55.4	19	23	16	22	3.48

Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan kajian penyelidik bagi semua soalan kajian selidik. Persoalan kajian ketiga merupakan min yang tertinggi, iaitu 3.73. Seramai 53 orang responden atau 66.1% bersetuju terhadap soalan kajian ini. Manakala 15 orang atau 18.6% responden yang tidak pasti. Sementara 12 orang (15.4%) responden yang setuju.

Bagi persoalan kajian pertama, iaitu peranan ibubapa merupakan min yang sederhana, iaitu sebanyak 3.53. Item ini juga merupakan peratus responden setuju yang sederhana, iaitu hanya sebanyak 48 orang. Bilangan responden yang tidak pasti pula seramai 15 orang (18.8%), manakala responden yang tidak setuju pula ialah sebanyak 16 orang (21.9%).

Bagi persoalan kajian kedua, iaitu keberkesanan pengajaran guru merupakan min yang terendah, iaitu sebanyak 3.19. Item ini juga merupakan peratus responden setuju yang paling sedikit, iaitu hanya sebanyak 32 orang. Bilangan responden yang tidak pasti pula seramai 26 orang (32.9%), manakala responden yang tidak setuju pula ialah sebanyak 22 orang (27.5%).

Secara keseluruhannya, terdapat seramai 44 orang atau 55.4% responden yang setuju, 19 atau 23% responden yang tidak pasti, dan juga 16 orang responden (22%) yang tidak setuju. Min keseluruhan bagi kesemua persoalan kajian ini adalah sebanyak 3.48.



Rajah 1: Graf menunjukkan min keseluruhan bagi ketiga- tiga persoalan kajian

Rajah 1 menunjukkan min keseluruhan bagi ketiga- tiga persoalan kajian yang dikemukakan kepada responden. Persoalan kajian ketiga, iaitu pengaruh rakan sebaya telah memberikan nilai min yang tertinggi, iaitu 3.73. Seterusnya diikuti dengan persoalan kajian pertama, iaitu peranan ibubapa, sebanyak 3.53. Persoalan kajian kedua, iaitu keberkesanan pengajaran guru telah memberikan nilai min terendah, iaitu 3.19.

Perbincangan

Latar Belakang Responden

Daripada keputusan analisis data, didapati bahawa responden yang berumur 17 tahun (61.3%) adalah lebih banyak dibandingkan dengan responden yang berumur 16 tahun (38.8%) yang sedang belajar di Tingkatan Lima. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar yang melibatkan diri dalam kelas tuisyen di luar waktu persekolahan adalah responden yang berumur 17 tahun.

Dari segi bangsa pula, didapati bahawa lebih banyak pelajar Cina (82.5%) yang melibatkan diri dalam kelas tuisyen di luar waktu persekolahan, sementara pelajar Melayu (13.8%) adalah kedua terbanyak bilangannya. Kaum- kaum lain seperti kaum Inggeris, orang asli, dan sebagainya (3.7%) hanya sedikit bilangannya. Keadaan ini wujud mungkin disebabkan penekanan kelulusan Bahasa Malaysia dalam SPM (Sijil Penilaian Malaysia), maka kebanyakan pelajar Cina mengambil kelas tuisyen untuk membaikpulih keputusan Bahasa Malaysia.

Kebanyakan bapa atau penjaga responden adalah bekerja sebagai pekerja swasta (35.0%), dan juga bekerja sebagai peniaga (21.3%). Golongan inilah yang kebanyakannya berpendapatan tinggi (RM 3001 ke atas). Ini menyebabkan mereka berkeupayaan untuk menghantar anak mereka untuk menghadiri kelas tuisyen. Daripada analisis data, didapati bapa atau penjaga responden yang berada dalam golongan berpendapatan tetap antara RM 1001 hingga RM 3000 juga tidak ketinggalan untuk membiayai yuran tuisyen anak mereka demi keputusan akademik anak mereka. Menurut satu kajian IEA yang telah dinyatakan dalam Bab 2 (sorotan penulisan), prestasi akademik yang lebih tinggi biasanya dikaitkan dengan status sosio-ekonomi yang tinggi.

Ditinjau dari segi bilangan adik- beradik, didapati kebanyakan keluarga masa kini melahirkan tiga hingga lima orang anak. Keadaan ini mungkin disebabkan taraf hidup masyarakat Malaysia telah berubah baik, jadi kebanyakan keluarga mampu memperbaiki taraf hidup dan menanggung kehidupan anak yang lebih banyak.

Daripada kajian juga, didapati bahawa kebanyakan responden mengikuti empat atau lebih mata pelajaran di pusat tuisyen (46.3%). Keadaan ini mungkin berpunca daripada semakin banyak keluarga yang mementingkan pencapaian akademik anak mereka, dan golongan ibubapa mengharapkan anak mereka boleh memperolehi keputusan yang cemerlang dalam SPM.

Menerusi data yang diperolehi dalam soal selidik, didapati terdapat lebih daripada 50 % daripada jumlah responden yang membelanjakan wang sebanyak RM 151 dan ke atas untuk bayaran tuisyen sebulan mereka. Jumlah wang ini adalah setara dengan bilangan mata pelajaran yang responden ambil, iaitu kebanyakan responden mengikuti empat atau lebih mata pelajaran di pusat tuisyen.

Persoalan Kajian Pertama

Persoalan kajian yang pertama ialah “Apakah tahap faktor ibu bapa atau penjaga pelajar dalam penglibatan pelajar-pelajar di pusat tuisyen berbayar di luar waktu persekolahan ?”

Hasil daripada dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa min keseluruhan bagi tahap peranan ibu bapa dalam mempengaruhi penglibatan pelajar- pelajar Tingkatan 5 di pusat tuisyen di luar waktu persekolahan ialah sebanyak 3.53, iaitu pada tahap sederhana. Dapatan ini merujuk pada Jadual 4.4. Ini menunjukkan peranan ibubapa kurang memberi pengaruh kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam pusat tuisyen berbayar di luar waktu persekolahan. Namun begitu, ini tidak bermakna ibu bapa kurang memberi perhatian terhadap proses pembelajaran anakanak mereka.

Dalam persoalan kajian ini, item 1 menunjukkan seramai 68 orang responden (85%) yang bersetuju bahawa ibu bapa atau penjaga mereka yang mencadangkan mereka mengikuti kelas tuisyen berbayar. Menurut Grill (1999), ibu bapa masa kini amat mementingkan pencapaian akademik anak mereka. Hal ini kerana, sijil telah dipandang sebagai suatu alat jaminan untuk mengecapi kejayaan hidup pada masa akan datang.

Selain itu, seramai 67 orang responden (83.8%) berpendapat bahawa ibu bapa mereka percaya bahawa guru di pusat tuisyen dapat membantu mereka meningkatkan keputusan peperiksaan mereka. Menurut Chahril dan Habib (1999), permintaan daripada ibu bapa untuk memasukkan anaknya ke institusi swasta semakin bertambah kerana mereka beranggapan bahawa institusi swasta boleh memberikan pendidikan yang lebih sempurna berbanding dengan sekolah biasa. Hal ini berlaku kerana golongan ibu bapa percaya kebolehan guru di pusat tuisyen untuk membantu anak mereka dalam mengecapi peningkatan dalam pencapaian akademik anak mereka. Min item ini berada pada tahap kuat, iaitu 4.13.

Menurut Ramaiah (1995) dalam satu kajian dalam negara, Ibu bapa yang mempunyai status ekonomi yang kukuh akan lebih prihatin dan cuba menyediakan landasan untuk anak-anak mereka agar mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan perdana yang dibawa oleh kestabilan politik dan pembangunan ekonomi yang pesat. Mereka akan sanggup berbelanja wang demi menyediakan peluang-peluang untuk anak mereka melibatkan diri dalam pusat tuisyen.

Majoriti responden bersetuju bahawa ibu bapa atau penjaga mereka mencadangkan mereka mengikuti kelas tuisyen berbayar. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan kepercayaan ibu bapa terhadap guru bahawa guru di tuisyen dapat membantu responden meningkatkan keputusan peperiksaan responden.

Persoalan Kajian Kedua

Persoalan kajian yang kedua ialah “Apakah tahap faktor pengajaran guru di sekolah dalam penglibatan pelajar-pelajar di pusat tuisyen berbayar di luar waktu pesekolahan ?”

Menerusi kajian ini, penyelidik mendapati bahawa min keseluruhan bagi keberkesanan pengajaran guru di sekolah berada pada tahap sederhana, iaitu 3.19. Dapatan ini merujuk kepada Jadual 4.4. Ini menunjukkan sesetengah pengajaran guru di sekolah kurang berkesan dan cara penyampaian mereka perlu dibaiki.

Dalam persoalan kajian ini, item 8 menunjukkan seramai 49 orang responden (61.3%) bersetuju bahawa mereka mengikuti kelas tuisyen kerana mereka tidak boleh mengikuti pengajaran guru mata pelajaran tersebut di sekolah. Menurut Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia ke 67, 1985, kebanyakan guru tidak mengambil berat terhadap pelajar-pelajar yang lemah dalam memahami apa yang diajar kerana guru khuatir tidak cukup masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Ini menyebabkan pelajar akan mula meminta bantuan dari luar, terutamanya kepada pusat tuisyen berbayar.

Item 13 pula menunjukkan seramai 44 orang responden (55.0%) menyatakan penerangan guru di sekolah adalah susah difahami. Menurut Prosiding Seminar Pembangunan Pendidikan 2001-2010 (2001), peserta seminar mendapati kualiti pengajaran dan pembelajaran guru-guru masih rendah dan tidak berubah meskipun telah mengikuti kursus dan salah satu sebab ialah guru tidak mengaplikasikan pengetahuan

baru. Ini menyebabkan guru hanya menggunakan cara pengajaran mereka yang disukai sahaja, dan bukan mengajar mengikut strategi pengajaran yang tepat.

Seterusnya, seramai 36 orang responden (36%) yang menyatakan bahawa setiap latihan yang diberi tidak disemak dengan teliti oleh guru di sekolah. Menurut Shahril dan Habib (1999), bagi memenuhi tuntutan Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), fokus kepada pendidikan bersepadu merupakan satu strategi penting dalam konteks mengadun unsur-unsur ilmu, kemahiran, bahasa serta nilai. Ini bermakna guru perlulah melakukan apa yang perlu demi memenuhi tuntutan KBSM, dan tidak mengabaikan sebarang tanggungjawabnya. Menurut Ee Ah Meng (1997), kepercayaan, nilai, tabiat dan tujuan guru akan mempengaruhi kepercayaan, nilai, tabiat dan tujuan pelajar. Sikap guru yang ditunjukkan akan menggalakkan pemupukan sikap yang kurang mementingkan tugas sekolah. Keadaan ini jelas menunjukkan sikap atau cara pengajaran guru di sekolah akan menyumbang kepada penglibatan pelajar sekolah ke pusat tuisyen berbayar di luar waktu persekolahan.

Persoalan Kajian Ketiga

Persoalan kajian yang kedua ialah “Apakah tahap faktor rakan sebaya dalam penglibatan pelajar-pelajar di pusat tuisyen berbayar di luar waktu pesekolahan?”

Menerusi kajian ini, penyelidik mendapati bahawa min keseluruhan bagi pengaruh rakan sebaya dalam penglibatan pelajar dalam menghadiri pusat tuisyen di luar waktu persekolahan berada pada tahap kuat, iaitu 3.73. Dapatan ini merujuk kepada Jadual 1. Ini jelas menunjukkan pengaruh rakan sebaya memberi kesan yang kuat terhadap pelajar dalam menghadiri pusat tuisyen.

Dalam persoalan ini, item 21 memberikan nilai min sebanyak 3.86, iaitu seramai 58 orang responden (72.5%) yang bersetuju bahawa mereka berasa bersemangat kerana dapat belajar bersama- sama dengan rakan sebaya di kelas tuisyen. Menurut Zuraidah (1996), nilai hidup, kepercayaan, sikap dan tingkah laku remaja dipelajari dan dicontohi melalui rakan mereka. Keadaan ini menyebabkan pelajar cenderung untuk meniru perbuatan rakan mereka, termasuklah menghadiri kelas tuisyen. Mereka akan berasa diri mereka adalah tidak ketinggalan dan seiring dengan langkah perkembangan rakan mereka.

Seramai 57 orang responden (71.3%) yang bersetuju bahawa mereka suka belajar bersama- sama dengan rakan sebaya di kelas tuisyen. Menurut Zuraidah (1996), rakan akan memiliki kuasa untuk menegur, mendorong atau membentuk sikap atau tingkah laku yang baru jika ia bertentangan dengan dinamika kumpulan. Dengan itu, pelajar akan merasakan diri mereka selesa apabila rakan mereka akan memberi perhatian kepada mereka, dan juga menegur mereka apabila berbuat salah.

Item 18 juga mempunyai 57 orang responden (71.3%) yang bersetuju bahawa kebanyakan rakan mereka yang menghadiri kelas tuisyen lebih mudah memahami pengajaran guru di sekolah berbanding dengan rakan yang tidak menghadiri kelas tuisyen. Menurut Coleman's (1971), remaja menganggap kejayaan mereka boleh dicapai menerusi persaingan akademik di kalangan rakan mereka. Keadaan ini boleh terjadi disebabkan wujudnya keinginan untuk berjaya atau mencapai kepuasan melalui persaingan akademik. Ini menyebabkan mereka akan sentiasa mambandingkan prestasi mereka dari segi akademik atau sukan dengan rakan sebaya mereka. Min untuk item ini ialah 3.90, iaitu pada tahap kuat, keadaan ini menunjukkan majoriti responden bersetuju tentang item ini.

Rumusan

Hasil daripada dapatan kajian, penyelidik merumuskan bahawa ketiga-tiga persoalan kajian yang dikaji itu saling mempengaruhi pelajar Tingkatan 5 dalam penglibatan mereka dalam pusat tuisyen di luar waktu persekolahan. Min keseluruhan yang diperolehi dalam kajian ini adalah pada tahap sederhana, iaitu 3.48.

Berpandukan jadual 1, sekiranya dibandingkan antara ketiga- tiga persoalan kajian, iaitu peranan ibubapa, keberkesanan pengajaran guru dan peranan rakan sebaya, didapati pelajar- pelajar Tingkatan 5 lebih dipengaruhi oleh peranan rakan sebaya dalam penglibatan mereka dalam pusat tuisyen di luar waktu persekolahan. Min keseluruhan untuk peranan rakan sebaya ialah 3.73, sementara min untuk peranan ibubapa dan keberkesanan pengajaran guru masing –masing ialah 3.53 dan 3.19. Keadaan ini membuktikan pengaruh rakan sebaya di kalangan remaja adalah kuat. Menurut Mok Soon Sang (2001), tingkah laku seseorang pelajar yang merupakan seorang pemimpin dalam dinamika kumpulannya, akan kerap ditiru oleh rakan- rakannya. Seluruh ahli- ahli dinamika kumpulannya akan bertindak dengan tindak laku yang sama. Ahlinya boleh disingkirkan sekiranya tidak mematuhi desakan kumpulannya. Ini menyebabkan pengaruh rakan sebaya adalah amat mempengaruhi proses pembelajaran di kalangan remaja.

Sementara itu, peranan ibu bapa pula memberikan nilai min sebanyak 3.53, iaitu tahap sederhana. Ini menunjukkan peranan ibu bapa adalah sederhana penting dalam mempengaruhi penglibatan pelajar- pelajar Tingkatan 5 dalam pusat tuisyen berbayar di luar waktu persekolahan. Ibu bapa yang sentiasa prihatin terhadap proses pembelajaran anak- anak mereka merupakan salah satu faktor yang tidak boleh diabaikan dalam penglibatan anak dalam pusat tuisyen berbayar. Menurut kajian Marimuthu, et al. (1991), kebanyakan pelajar- pelajar yang berasal dari keluarga berada berpeluang serta dihantar untuk mendapat kelas pengukuhan tambahan selain menghadiri ke sekolah harian. Cadangan serta sokongan yang diberikan sama ada dalam bentuk kewangan ataupun galakan oleh ibubapa merupakan satu daya gerak pelajar untuk mengejar ilmu pengetahuan.

Min yang diberikan oleh keberkesanan pengajaran guru ialah 3.19, iaitu pada tahap sederhana. Keadaan ini menunjukkan keberkesanan guru turut menjadi salah satu faktor penglibatan pelajar di pusat tuisyen berbayar. Menurut Menurut Prosiding Seminar Pembangunan Pendidikan 2001-2010 (2001), peserta seminar mendapati kualiti pengajaran dan pembelajaran guru-guru masih rendah dan tidak berubah meskipun telah mengikuti kursus. Keadaan ini adalah membimbangkan kerana pihak kerajaan telah membelanjakan jumlah wang yang banyak dalam pendidikan negara, terutamanya seminar- seminar yang diadakan dengan tujuan guru- guru dapat mempelajari sesuatu yang baru dan mempraktikkannya dalam strategi pengajaran sekolah. Namun hanya segelintir guru yang dapat mencapai tujuan tersebut sahaja. Oleh itu, adalah tidak menghairankan sekiranya pelajar- pelajar meminta bantuan dari luar sekolah, terutamanya pusat tuisyen.

Menurut kajian yang dijalankan ini, didapati hasil dapatan kajian ini adalah sama dengan satu kajian dalam negara yang dibuat oleh Ramaiah (1995), yang menyatakan bahawa latar belakang keluarga dan pengaruh rakan sebaya mempunyai kesan yang kuat dan ketara terhadap pencapaian pelajar. Ini menunjukkan bahawa peranan ibu bapa dan pengaruh rakan sebaya adalah faktor penglibatan pelajar-pelajar Tingkatan 5 dalam pusat tuisyen di luar waktu persekolahan.

Rujukan

Abdullah bin Othman. Penubuhan Sekolah-Sekolah Dan Institusi-Institusi Pendidikan Swasta Masa Kini Jenis, Perundangan Dan Dasar. Kertas dikemukakan dalam kursus penyelia unit perhubungan dan pendaftaran, Jabatan Pendidikan Negeri di IAB,1988.

Arshad (2004, January 26). Amalan Tuisyen Dalam Sistem Pendidikan. Utusan Malaysia. Retrieved January 26, 2004, from <http://www.utusan.com.my>

Coleman, J. (1971). *The Adolescent Society: The Social Life Of The Teenager And Its Impact On Education*. New York: Free Press. 318

- Conger,K.J., Conger,R.D., and Scaramella,L.V. (1997). Parents, siblings, psychological control and adolescent adjustment. *Journal of Adolescent Research*, 12. 113-138.
- Dra Ny Roestiyah N.K.(1986). *Masalah Pengajaran Sebagai Suatu Sistem*. Jakarta: PT Bina Aksara. 36.
- Ee Ah Meng (1997). *Pedagogi III Edisi Kedua (Semester III)* : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. 22.
- Fox Irene (1985). *Private Schools And Public Issues: The Parent's View*. London:The Macmillon Press Ltd.
- Grill Crozier (1999). *Is It A Case Of "We Know When We're Not Wanted?" The Parents' Perspective Parent Teacher Roles And Relationships*. United Kingdom: Charlesworth Group Huddersfield.
- Isahak Haron (1992). *Aliran Perkembangan Pendidikan Dan Pembentukan Malaysia sebagai Negara Industri Dalam Abad Ke-21*. Pidato Umum Aminuddin Baki Kali ke-4, di UPM.
- _____(1985). *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia ke 67*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan Kementerian Pendidikan Malaysia. 22.
- Kamarudin Hj. Husin (1997). *Psikologi Bilik Darjah: Asas Pedagogi*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan (2002). *Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2005). *Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Marimuthu, T. (1991). *Extra- School Instruction, social Equity and Educational Quality*. A report prepared for the International Development Research Centre. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- _____(1975), *Methods and Results in the IEA Studies of Effects of School on Learning*. *Review of Educational Research*, 45. 335-386.
- Mohamed Najib Abd Ghaffar (1997). *Asas Penyelidikan Sains Sosial*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.